

ITAFoS UPM kaji substrat untuk BSFL, sokong pembangunan industri poltri

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



Black Soldier Fly Larvae (BSFL) atau larva lalat tentera hitam kini semakin popular sebagai sumber makanan alternatif untuk ternakan, terutamanya dalam industri ayam (poultry).

Melalui Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM), melakukan kajian dalam mencari substrat yang sesuai untuk menyokong pembiakan dan perkembangan larva ini.



Substrat sangat memainkan peranan penting dalam kualiti BSFL yang dihasilkan, kerana mempengaruhi kadar pertumbuhan, perkembangan serta kandungan nutrien dalam larva tersebut. Penggunaan BSFL dalam diet ayam boleh meningkatkan kadar pertumbuhan, pengeluaran telur, dan kualiti daging ayam.

Menurut Pegawai Pertanian, ITAFoS, UPM, Eddy Shahriza Jamein, penggunaan hampas soya, sisa sayur, sisa kek, dan hampas kelapa sebagai substrat dalam kajian BSFL untuk mengkaji potensi dan kesan substrat-substrat ini terhadap kandungan nutrien dan pertumbuhan larva.

“Selalunya saiz larva BSF bergantung kepada substrat yang digunakan kerana jika substrat yang digunakan mempunyai nutrien yang bagus, saiznya akan menjadi besar.

“Pemilihan substrat yang tepat amat penting untuk menghasilkan BSFL berkualiti tinggi demi memberi manfaat kepada industri ternakan ayam bagi menghasilkan daging dan telur lebih berkualiti,” katanya.

Pakar produksi poltri, Prof. Dr. Dato' Zulkifli Idrus berkata, penggunaan BSFL dilihat mempunyai potensi besar sebagai sumber protein untuk ternakan poltri tetapi terdapat kekangan berkenaan harga yang agak mahal. Justeru, produksi BSFL tempatan perlu dipertingkatkan dengan mendapat sokongan daripada pihak industri dan kerajaan.

“Penggunaan BSFL merupakan gantian sumber protein bagi makanan ternakan tradisional seperti soya dan melalui penyelidikan yang dijalankan amatlah bersesuaian dalam ternakan poltri.

“Pada pandangan saya, penggunaan BSFL dalam industri ternakan poltri dijangka akan terus relevan pada masa akan datang kerana merupakan alternatif yang dapat menyokong ketahanan makanan global,” katanya.



Pelajar Master Sains (Pemakanan Haiwan), ITAFoS, UPM, Nur Fatimah Abd Jakfar, 26, berkata proses pembiakan BSFL dalam kajian ini membantu mengurangkan kebergantungan kepada sumber protein tradisional yang semakin terhad dan mahal.

“Alternatif dalam penggunaan substrat ini bukan hanya memberikan penjimatan kos, tetapi turut memberi manfaat jangka panjang dalam keberlanjutan industri ternakan kerana membantu mengurangkan pembaziran dengan menggunakan bahan-bahan terbuang seperti sisa makanan,” katanya.

Dalam pada itu, ITAFoS telah menubuhkan Unit BSF yang terletak di Pusat Penyelidikan Haiwan bagi mengkaji alternatif protein yang sesuai untuk proses pembuatan makanan ternakan ayam.